

Bapa bertanggungjawab tak abai anak

Berita Harian 23/06/2010 M/S 35

Tuntutan nafkah tetap menjadi tanggungan ketua keluarga walaupun selepas bercerai

Oleh Mohd Isa Abd Ralip

KITA baru saja menyambut Hari Bapa beberapa hari lalu. Tidak salah menyambut Hari Bapa sempena memberi penghormatan kepada bapa yang membesarkan kita dari kecil hingga dewasa sehinggalah kita menjadi insan berguna. Jasa dan pengorbanan bapa haruslah dikenang kerana tanpa bapa kita tiada di dunia.

Seorang bapa yang baik adalah bapa yang bertanggungjawab terhadap anak-anaknya serta memandu anak-anaknya ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Saya tertarik dengan kenyataan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang memberi pengiktirafan lima bintang kepada bapa di negara ini kerana sikap bertanggungjawab terhadap keluarga masing-masing.

Menurutnya kebanyakan bapa di Malaysia bertanggungjawab, prihatin, penyayang dan sedia berkorban untuk keperluan keluarga. Peraturan kecil kes berkaitan bapa tidak bertanggungjawab tidak memberi kesan kepada nama baik seseorang bapa.

Apabila saya membaca kenyataan ini saya berfikir sejenak dan bersetuju dengan kenyataan Shahrizat itu. Ketika cuti sekolah lalu saya sempat berkunjung ke tempat peranginan dan dapati ramai keluarga bercuti dengan membawa anak masing-masing. Cuti sekolah menjadi masa yang sesuai untuk bapa membawa anak-anak mereka bercuti dan ini menggambarkan bahawa ikatan kukuh di antara seorang bapa dan anak yang sanggup meluangkan masa mereka untuk menggemirakan anak-anak.

Tidak hairanlah sektor mana se-

kalipun sama ada swasta mahupun kerajaan yang menggunakan peluang ini untuk membawa anak-anak mereka bercuti sehinggalah masa baik ini digunakan oleh pelbagai pihak termasuk Hakim Syarie serta Peguam-Peguam Syarie untuk bercuti membawa keluarga masing-masing demi memenuhi tuntutan keluarga atas dasar sifat penyayang tadi. Seorang bapa penyayang akan dapat meluangkan masanya untuk anak-anak dan keluarganya.

Bercerita mengenai tanggungjawab seorang bapa, ia mengingatkan saya kepada anak guam saya, seorang bapa yang tidak berjumpa dengan tiga anaknya setelah bercerai lima tahun lalu. Bekas isterinya membawa ketiga-tiga anaknya ke tempat yang tidak diketahuinya sejak dari tarikh perceraian sehinggalah ke hari ini. Puas beliau mencari anak-anaknya di merata tempat dengan bertanyakan kawan-kawan serta sanak saudara bekas isterinya, namun beliau menemui kegagalan kerana semua orang yang ditemui tidak mengetahui di manakah anak-anaknya berada.

Walaupun beliau tidak berjumpa dengan anak-anaknya dari tarikh selepas bercerai sehingga ke hari ini, beliau tetap memasukkan ke dalam akaun bekas isterinya RM800 sebulan sebagai bayaran nafkah untuk anak-anaknya tanpa gagal. Walaupun hanya bergaji RM1,400 sebulan sebagai pemandu, beliau tetap meneruskan pembayaran nafkah bagi anak-anaknya walaupun beliau tidak menemui anak-anaknya. Pada setiap hujung tahun beliau akan memperuntukkan lebih kurang RM1,000 sebagai perbelanjaan tambahan persediaan persekolahan anak-anaknya.

Saya sungguh terharu dengan pengorbanan yang ditunjukkan oleh



GAMBAR: HIASAN

TANGGUNGJAWAB mendidik anak bukan terletak pada ibu saja, tetapi bapa juga berperanan penting dalam menentu hala tuju kehidupan mereka.

beliau kerana tidak ramai bapa yang sanggup berkorban sedemikian di samping bertanggungjawab, prihatin serta sanggup berkorban untuk keperluan keluarga. Perceraian bukan penghalang baginya menunaikan tanggungjawab beliau sebagai bapa untuk menyediakan nafkah kepada anak-anaknya kerana beliau sedar bahawa memberi nafkah kepada anak-anak adalah wajib dan dia sedar dengan memberi nafkah lebih separuh daripada gajinya tidak mengurangkan rezeki Allah kepadanya, beliau merasakan rezekinya tidak pernah putus dengan dia membayar nafkah anak-anaknya.

Ini adalah segelintir kisah bapa bertanggungjawab yang dapat saya paparkan semoga ia menjadi iktibar kepada lelaki bergelar bapa. Namun demikian ada juga segelintir bapa sengaja cuai membayar nafkah anak-anak mereka sehingga de-

ngan kegagalan itu menjejaskan kehidupan sehari-hari dan persekolahan anak-anak.

Bapa tidak bertanggungjawab ini tidak menghiraukan keperluan anak mereka serta membiarkan ibu anak terbabit menyara keperluan nafkah anak-anaknya. Lebih malang lagi apabila bapa ini mengabaikan nafkah anak mereka walaupun adanya perintah berkaitan dengan pembayaran nafkah anak. Perkara ini sering juga kita dengar dan ia memberikan suatu persepsi buruk kepada lelaki bergelar bapa.

Sewajarnya perkara ini tidak berlaku, bak pepatah Melayu mengatakan 'akibat nila setitik habis susu sebelanga' dan 'seekor kerbau yang membawa lumpur habis semua terpalit'. Disebabkan segelintir bapa tidak bertanggungjawab ini merosakkan nama baik seorang bapa. Tanggungjawab bapa adalah besar kerana ia amanah Allah. Setiap

amanah yang Allah berikan akan disoal di akhirat kelak. Barang siapa memikulnya dengan penuh tanggungjawab akan mendapat balasan syurga dan barang siapa tidak menunaikan tanggungjawab itu akan mendapat balasan setimpal di akhirat kelak.

Kita tidak mahu melihat segelintir bapa tidak bertanggungjawab ini membantutkan perkembangan persekolahan anak-anak disebabkan kegagalan bapa memberikan nafkah sewajarnya kepada anak-anak mereka. Atas dasar bagi mengelakkan kezaliman serta fungsi bapa sendiri sebagai ketua keluarga itulah Islam menetapkan seorang bapa bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah kepada anak-anaknya meliputi makan minum, pakaian tempat tinggal perubatan serta keperluan pendidikan anak-anak berkenaan. Ini adalah keperluan asas yang perlu dipenuhi oleh seorang bapa bagi anak-anaknya.

Semua Enakmen Keluarga Islam negeri di Malaysia menetapkan bahawa bapa bertanggungjawab membayar nafkah anak-anaknya dan ia selari kepada hukum syarak. Kegagalan membayar nafkah oleh bapa tadi sekiranya ada perintah daripada Mahkamah Syariah bagi pembayaran nafkah boleh menyebabkan seorang bapa diambil tindakan pelaksanaan perintah termasuk potongan gaji mahupun penyitaan harta dan sebagainya bagi memastikan pelaksanaan perintah terhadap anak-anak tadi dapat dilaksanakan. Selain itu mahkamah boleh mengarahkan pihak yang ingkar membayar nafkah ke penjara sekiranya bapa gagal atau cuai membayar nafkah kepada anak-anaknya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia